

**Interlok: Tunggu pengumuman rasmi TPM
Utusan Online
December 18, 2011**

BATU PAHAT 17 Dis. - Semua pihak diminta menunggu pengumuman rasmi Timbalan Perdana Menteri yang juga Menteri Pelajaran, Tan Sri Muhyiddin Yassin berhubung status penggunaan novel *Interlok* sebagai teks komponen sastera bagi mata pelajaran Bahasa Melayu untuk pelajar tingkatan lima pada tahun depan

Timbalan Menteri Pelajaran, Dr. Mohd. Puad Zarkashi berkata, tindakan Timbalan Presiden MIC, Datuk Seri Dr. S. Subramaniam membuat pengumuman tentang status novel itu pada tahun depan dilihat sebagai mendahului Timbalan Perdana Menteri.

"Sebenarnya saya pun baru tahu malam tadi selepas mendengar berita mengenai keputusan Kabinet itu. Saya juga membaca portal berita Internet malam tadi bahawa Presiden MIC, Datuk G. Palanivel yang juga Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Subramaniam yang juga Menteri Sumber Manusia membuat pengumuman mengenai keputusan Kabinet itu.

"Saya tidak tahu apa yang dibincangkan dan terjadi dalam mesyuarat Kabinet. Bagi saya lebih elok kita tunggu pengumuman rasmi Tan Sri Muhyiddin, walaupun kedua-dua menteri tersebut sudah mendahuluinya," katanya kepada pemberita selepas majlis penyampaian bantuan cermin mata di penempatan tersusun masyarakat Orang Asli Taman Banang di sini hari ini.

Akhbar hari ini menyiarkan kenyataan Subramaniam tentang keputusan mesyuarat Kabinet baru-baru ini yang tidak akan menggunakan lagi novel *Interlok* bagi subjek Bahasa Melayu bagi pelajar tingkatan lima pada tahun depan.

Beliau berharap penarikan balik novel karya Sasterawan Negara, Datuk Abdullah Hussain itu diterima semua pihak yang menentang sebelum ini, sekali gus menamatkan kontroversi itu.

Mohd. Puad ketika ditanya mengenai keputusan jawatankuasa bebas yang ditubuhkan bagi menjalankan kajian mengenai novel *Interlok* berkata, beliau tidak mengetahui keputusan yang dibuat oleh mereka.

Beliau berkata, jawatankuasa berkenaan sudah membuat keputusan mengenainya tetapi lebih baik semua pihak menunggu pengumuman rasmi yang akan dibuat.

Hakcipta Terpelihara © UTUSAN MELAYU (M) BERHAD

Source:

http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2011&dt=1218&pub=Utusan_Malaysia&sec=Dalam_Negeri&pg=dn_08.htm